

## Peranan dan Sumbangan Mahmud Yunus (m. 1983) dalam Ilmu *Mustalah al-Hadith* di Alam Melayu

### *The Role and Contribution of Mahmud Yunus (d. 1983) in the Field of Mustalah al-Hadith in the Malay World*

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif<sup>1</sup>

Terima	Wasit
16 JANUARI 2018	21 MAC 2018

#### ABSTRAK

*Mustalah al-hadith ialah cabang ilmu yang menjelaskan kriteria dan ciri-ciri penerimaan dan penolakan sesebuah hadis Nabi SAW daripada kedua-dua aspek salasilah periwayatan (sanad) dan kandungannya (matan). Lantaran kepentingan dan peranannya dalam memelihara integriti dan kredibiliti sesebuah hadis, ilmu ini telah dijadikan sebahagian daripada aspek penting dalam kurikulum pendidikan Islam sejak daripada dahulu lagi yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar. Walau bagaimanapun, dalam konteks Alam Melayu, penulisan ilmu Mustalah al-Hadith berkembang dengan agak perlahan. Hanya mulai daripada penghujung abad ke-19 sahaja dapat diperhatikan bibit perkembangannya menerusi penghasilan karya yang khusus oleh para ilmuwan tempatan seumpama Syeikh Nawawi Banten (m. 1897), Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (m. 1920), Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy (m. 1975), Mahmud Yunus (m. 1983) dan sebagainya. Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan membincangkan topik ini dengan lebih mendalam. Fokus utama adalah untuk menganalisis peranan dan sumbangan Mahmud Yunus dalam mengembangkan ilmu Mustalah al-Hadith di Alam Melayu berdasarkan karya-karyanya dalam bidang berkenaan. Kajian kualitatif yang berteraskan metode kajian sejarah dan analisis teks ini merangkumi perbincangan metode, kandungan dan stail pengarang selain biografi pengarangnya. Hasilnya, dapatan kajian menunjukkan, antara lain, kepentingan peranan dan sumbangan yang diberikan oleh tokoh ini terhadap perkembangan ilmu Mustalah al-Hadith di rantau ini secara amnya.*

**Kata kunci:** Mahmud Yunus, Mustalah al-Hadith, ulama, Alam Melayu, hadis.

#### ABSTRACT

*Mustalah al-Hadith is a branch of Islamic studies that appraises the status of the prophetic traditions from both its chains of narrations (sanad) and content (matan). Due to its important role in safeguarding the integrity and credibility of a hadith, it has been included as an integral part of the Islamic educational curriculum since its early inception that must be understood and mastered by students of Islamic learning. However, in the region of the Malay World, its development was somewhat hampered in comparison with other religious disciplines. It was only since the late 19<sup>th</sup> century that saw the proliferation of hadith works by local scholars such as Nawawi of Banten (d. 1897), Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (d. 1920), Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy (d. 1975), Mahmud Yunus (d. 1983) among others. Therefore, this paper aims to delve into this topic in further details. In particular, it discusses the role and contribution of Mahmud Yunus in promoting the field of Mustalah al-Hadith in*

<sup>1</sup> Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif, PhD, Profesor Madya, Universiti Sains Islam Malaysia, [mustaqim@usim.edu.my](mailto:mustaqim@usim.edu.my)

*the Malay World based on his selected published works. In this qualitative-based research, historical and textual analysis are the main methods employed. The findings of this study highlight the pivotal role and contributions of Mahmud Yunus in advancing the development of Mustalah al-Hadith in this region.*

**Key words:** Mahmud Yunus, Mustalah al-Hadith, scholar, Malay World, hadith.

## Pengenalan

Hadis Nabi SAW merupakan sumber kedua terpenting dalam agama Islam selepas al-Quran. Kepentingan dan peranannya bukan sahaja terhad dalam aspek akidah, syariat dan hukum, malah turut merangkumi pelbagai aspek pengetahuan, etika dan hikmah. Namun, berbanding al-Quran yang sudah pun dikumpulkan secara bertulis sejak daripada awal Islam lagi, hadis lazimnya disebarikan secara lisan. Bahkan, ketika kebanyakan daripada periwayatan tersebut mula dibukukan secara intensif sejak daripada pertengahan abad kedua hijrah, tradisi lisan masih lagi berperanan penting dalam menyampaikan hadis daripada satu generasi kepada generasi yang berikutnya (M.Mustaqim, 2014a; al-Khatib al-Baghdadi, 1986).

Rantai periwatan yang terdiri daripada para perawi hadis dikenal sebagai sanad atau *isnad* dan ia merupakan salah satu ciri khas yang mewarnai tradisi keilmuan Islam secara keseluruhannya. Kepentingan sanad terzahir menerusi peranannya dalam memastikan kredibiliti dan kesinambungan sesebuah periwatan dan kualitinya banyak bergantung kepada kualiti dan kuantiti sesebuah jalur periwatan. Selain itu, aspek kandungan (matan) sesebuah hadis turut melalui proses saringan dan semakan untuk memastikan tiada kepalsuan dan pembohongan dapat dinisbahkan kepada Nabi SAW oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Kesemua kriteria dan proses semakan ini terangkum dalam sebuah disiplin ilmu yang akhirnya dikenal sebagai ilmu *Mustalah al-Hadith* atau *'Ulum al-Hadith* (al-Khayr Abadi, 2004).

Lantaran kepentingan dan peranannya dalam memastikan kesucian dan keaslian hadis, ilmu *mustalah al-hadith* merupakan aspek yang integral dalam kurikulum pendidikan Islam sejak daripada dahulu lagi dan berjalan seiring dengan periwatan dan pembelajaran hadis. Perkembangan pesat madrasah sebagai institusi pendidikan tinggi Islam bermula daripada abad kelima hijrah turut menyaksikan penekanan terhadap hadis dan ilmunya sebagai sebahagian daripada kurikulum pengajian ilmu hadis yang ditawarkan di peringkat pengajian tinggi (Nashabe, 1989).

Di sebalik keadaan ini, penelitian terhadap perkembangan pendidikan Islam di Alam Melayu menzahirkan citra khasnya terutama yang berkaitan dengan pengajian hadis dan *mustalah al-hadith*. Walaupun trend dan skop kurikulum pendidikan Islam di rantau ini tidak jauh berbeza dengan yang dipelajari di wilayah-wilayah Islam yang lain, namun fokus utama pengajaran, pembelajaran dan pengkaryaan adalah terhadap bidang akidah, syariat dan tasawuf. Bidang-bidang ilmu yang lain seumpama ilmu tafsir, Qiraat, hadis, dan sebagainya jarang diberikan penekanan sebagai bidang ilmu yang tersendiri, sebaliknya sering diasimilasikan dalam konteks ketiga-tiga aspek akidah, syariah dan tasawuf. Dalam konteks ilmu *mustalah al-hadith* khasnya, berlaku kelewatan dalam perkembangan dan pengkaryaan dalam bidang ini (M.Mustaqim, 2014b; Ramli, 2009; Fauzi 2002). Hanya mulai daripada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 sahaja dapat diperhatikan bibit perkembangan ilmu ini menerusi penghasilan karya yang khusus oleh para ilmuwan tempatan seumpama

Syeikh Nawawi Banten (m. 1897), Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (m. 1920), Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy (m. 1975), Mahmud Yunus (m. 1983) dan sebagainya.

Dalam hal ini, penting dinyatakan bahawa di sebalik pengiktirafan dan sanjungan yang diberikan kepada Mahmud Yunus sebagai salah seorang tokoh reformis dan pendidikan yang terkemuka di Alam Melayu, namun masih banyak aspek sumbangan beliau yang belum lagi dikaji dan diperjelaskan. Kebanyakan penulisan yang ada hanya tertumpu kepada ketokohnya dalam memajukan sistem pendidikan Islam secara am (Rochwulaningsih, 2010; Nata, 2005; Hamid & Ahza, 2003), selain sumbangan dan pandangannya dalam bidang tertentu seperti tafsir al-Quran (Khadher & Khairuddin, 2014), *fiqh* (Masril, M.Nasran, M.Adib, & Anwar, 2013; 2011) dan sebagainya. Sebaliknya, peranan dan sumbangannya dalam mengembangkan ilmu *mustalah al-hadith* belum diberikan perhatian yang sewajarnya oleh para pengkaji. Kebanyakan penulisan dalam bidang ini (Jawiyah et al., 2012; Fauzi & Faisal, 2011; Rudliyana, 2003) sekadar menyatakan judul karyanya dalam bidang *mustalah al-hadith* secara umum sahaja tanpa perbincangan yang sewajarnya. Berdasarkan kepada faktor-faktor inilah, makalah ini bertujuan membincangkan topik ini dengan lebih mendalam. Fokus utama adalah untuk menganalisis peranan dan sumbangan Mahmud Yunus dalam mengembangkan ilmu *mustalah al-hadith* di Alam Melayu berdasarkan karya-karyanya dalam bidang berkenaan.

## Metodologi

Kajian kualitatif yang berteraskan metode kajian sejarah dan analisis teks ini merangkumi perbincangan metode, kandungan dan stail pengarang selain biografi pengarang dalam usaha untuk menilai peranan, kepentingan dan sumbangannya dalam perkembangan ilmu *mustalah al-hadith* di rantau ini secara amnya.

## Mahmud Yunus: Perjalanan Hidup dan Karya

Profesor Dr. H. Mahmud Yunus dilahirkan pada 10 Februari 1899 bersamaan 30 Ramadan 1336 di Sungayang, Batusangkar, provinsi Sumatera Barat, Indonesia. Pendidikan awalnya bermula sekitar usia tujuh tahun menerusi pembelajaran bacaan al-Quran daripada datuknya M. Thahir yang juga dikenal sebagai Engku Gadang. Selepas menamatkan pengajiannya, beliau menggantikan datuknya sebagai guru al-Quran. Ketika berusia sembilan tahun, beliau memasuki sekolah desa dan kemudiannya mengikuti pengajian di Madras School yang didirikan oleh Syeikh Muhammad Thaib Umar di Sungayang pada 4 November 1910 (Nata, 2005).

Mahmud turut diberikan kepercayaan oleh gurunya untuk hadir mewakilinya di perhimpunan alim ulama seluruh Minangkabau pada tahun 1919. Perhimpunan ini, antara lain, telah mencadangkan penubuhan Persatuan Guru-guru Agama Islam (PGAI) dan beliau turut diberikan kepercayaan sebagai salah seorang anggotanya. Pada masa yang sama juga, beliau turut memainkan peranan penting dalam penubuhan Perkumpulan Pelajar-pelajar Islam Batusangkar yang kemudiannya terkenal dengan nama Sumatra Thawalib. Antara aktiviti persatuan ini ialah menerbitkan majalah *al-Basyir* mulai daripada tahun 1920 di bawah seliaan Mahmud sendiri (Nata, 2005).

Pada bulan Mac 1923 beliau berpeluang untuk melaksanakan ibadat haji menerusi Pulau Pinang, dan setahun selepas itu beliau memulakan pengajiannya di Universiti al-Azhar, Kaherah. Selepas menamatkan pengajian di al-Azhar, beliau meneruskan pengajiannya di Darul Ulum 'Ulya, Kaherah yang ketika itu hanya menerima pelajar Arab sahaja. Hasilnya, beliau merupakan orang Indonesia pertama yang diterima belajar di Darul Ulum 'Ulya dan lulus dengan jayanya (Suprpto, 2009). Ketika di Mesir juga, Mahmud aktif berpersatuan selain berkarya. Beliau turut terlibat sebagai penyunting dalam penerbitan *Seruan Azhar*; surat khabar tulisan jawi kedua yang diterbitkan di Mesir mulai daripada Oktober 1925 di bawah seliaan Janan Tayyib (Roff, 2009).

Selepas lima tahun berkelana mencari ilmu di Mesir, Mahmud kemudiannya pulang ke tanah air pada tahun 1930 dan mengembangkan Diniyah School menjadi al-Jami'ah al-Islamiyah pada 20 Mac 1931. Sebulan kemudian (1 April 1931), PGAI telah mendirikan Normal Islam (Kulliyah al-Mu'allimin al-Islamiyyah) atau Sekolah Guru Agama di Padang untuk melatih guru-guru agama dan melantik Mahmud sebagai pengetuanya (Suprpto, 2009). Sekolah ini berorientasikan integrasi antara ilmu agama dan umum dan merupakan madrasah pertama yang mempunyai makmal pengajaran kimia dan fizik di Sumatera Barat. Selain itu, beliau turut memperkenalkan pembaharuan dalam pengajaran bahasa Arab di kedua-dua institusi tersebut menggunakan metode khas yang diperkenalkannya (Hamid & Ahza, 2003).

Pada tahun 1940, dibangunkan Majelis Islam Tinggi (MIT) di Minangkabau yang diketuai oleh Syeikh Muhammad Jamil Jambek dan dianggotai oleh seluruh ulama daripada kedua-dua orientasi tradisional dan moden. Mahmud ditugaskan oleh MIT untuk merencanakan pembentukan perguruan tinggi Islam. Usaha ini berhasil dengan tertubuhnya Sekolah Islam Tinggi di Padang pada tahun yang sama. Institusi ini mempunyai dua fakulti iaitu Syariah (Agama) dan Pendidikan dan Bahasa Arab. Selain memimpin sekolah ini, Mahmud turut terlibat dalam menetapkan kurikulum pengajiannya. Walau bagaimanapun selepas dua tahun beroperasi, institusi ini ditutup oleh pihak pemerintah Jepun yang ketika itu menguasai Indonesia (Suprpto, 2009; Hamid & Ahza, 2003).

Pada tahun 1942, Mahmud dipilih mewakili MIT sebagai penasihat kepada Residen Padang dan dilantik sebagai Kepala Jawatan Pemeriksa Agama yang bertugas memeriksa pelaksanaan pendidikan agama di sekolah-sekolah. Pada tahun 1946, beliau dilantik sebagai Penyusun Kurikulum Agama pada Perwakilan Departemen Agama di Sumatera dan ditugaskan merancang dan melaksanakan Kursus Guru Agama di Sumatera pada tahun berikutnya. Beliau juga sempat mendirikan Sekolah Menengah Islam di Bukittinggi sebagai pengganti Normal Islam. Daripada tahun 1946 hingga 1950, beliau bertugas sebagai Inspektur Agama pada jawatan PPK Provinsi Sumatera merangkap Kepala Bagian Islam pada Jawatan Agama Provinsi Sumatera. Ketika inilah beliau berjaya mengusulkan supaya subjek pendidikan agama dijadikan subjek pelajaran di sekolah-sekolah negeri bermula dari Sekolah Dasar (SD) hingga ke Sekolah Menengah Atas (SMA) (Suprpto, 2009, Mahmud, 1960).

Mulai 1 Januari 1951, Mahmud dilantik sebagai Kepala Penghubung Pendidikan Agama di Departemen Agama di Jakarta. Antara sumbangan dan pencapaiannya sepanjang memegang jawatan ini ialah mewujudkan peraturan mengenai pendidikan agama di sekolah-sekolah swasta; mendirikan Pendidikan Guru Agama (PGA) di lapan kota iaitu Tanjungpinang, Kotaraja, Padang, Banjarmasin, Jakarta, Tanjungkarang, Bandung dan Pamekasan; dan menetapkan rancangan pengajaran pendidikan Islam di sekolah-sekolah pemerintah dari sekolah dasar hingga sekolah menengah (Hamid & Ahza, 2003).

Beliau turut terlibat dalam penubuhan Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (PTAIN) di Jogjakarta pada tahun 1951 dan pernah ditawarkan jawatan sebagai pensyarah di situ. Pada masa yang sama, beliau diarahkan oleh Menteri Agama untuk mendirikan dan memimpin Akademi Dinas Ilmu Agama (ADIA) di Jakarta yang merupakan institusi pendidikan tinggi milik Departemen Agama. Setelah PTAIN dan ADIA digabungkan menjadi Institut Agama Islam Negeri (IAIN) pada 9 Mei 1960, beliau dilantik sebagai Dekan Fakultas Tarbiyah IAIN di Jakarta. Beliau juga berkesempatan melawat dan menghadiri persidangan di beberapa negara Arab dan Islam sepanjang tahun 1961-1969, antaranya: Mesir, Arab Saudi, Syria, Jordan, Lebanon, Turki, Iraq, Tunisia, Maghribi dan sebagainya (Suprpto, 2009; Hamid & Ahza, 2003).

Tempoh antara 1966 hingga 1971 menyaksikan beliau dilantik sebagai Rektor IAIN Imam Bonjol di Padang. Walaupun ketika itu beliau sudah bersara, namun khidmat bakti dan buah fikiran bernas profesor yang unggul ini masih lagi diperlukan untuk mengembangkan pendidikan Islam ketika itu. Atas peranan dan sumbangannya yang amat berharga kepada masyarakat dan pendidikan Islam, beliau telah dianugerahkan gelar Doktor Honoris Causa daripada IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta pada 15 Oktober 1977 ketika berusia 78 tahun. Pada 16 Januari 1982, beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir di Jakarta pada usia 83 tahun (Suprpto, 2009). Dari aspek muridnya pula, terlalu ramai yang telah diasuh olehnya secara ilmiah. Ada antara mereka yang akhirnya menjadi tokoh pembaharuan dan pendidikan yang disegani dalam masyarakat seperti KH. Imam Zarkasyi pengasas Pondok Modern Darussalam Gontor dan lain-lain.

Dari aspek pengkaryaan, Mahmud merupakan seorang penulis yang prolific. Di Sumatera Barat sahaja pun, beliau terlibat dalam pengasasan sekurang-kurangnya lima majalah iaitu *al-Basyir*, *al-Munir*, *al-Manar* (Padang Panjang), *al-Bayan* (Bukit Tinggi), dan *al-Itqan* (Maninjau). Di Mesir juga, beliau pernah terlibat dengan *Seruan Azhar* seperti yang telah dinyatakan. Selain kegiatannya dalam penulisan makalah, suntingan majalah dan editorial surat khabar, beliau juga gigih menghasilkan pelbagai judul buku. Dinyatakan tidak kurang daripada 83 buah buku pernah dihasilkannya dalam pelbagai bidang termasuk tafsir al-Quran, hadis, *mustalah al-hadith*, *fiqh*, sejarah, pendidikan, bahasa Arab dan sebagainya. Bahkan sebahagian daripada karyanya yang dihasilkan ketika berada di Mesir juga diterbitkan di negara Arab tersebut (Masril, M.Nasran, M.Adib, & Anwar, 2011; Suprpto, 2009; Hamid & Ahza, 2003).

Karya-karya yang dihasilkannya ada yang ditulis dalam bahasa Arab dan ada pula yang ditulis dalam bahasa Indonesia. Karya-karya awalnya turut dicetak menggunakan huruf jawi dalam bahasa Melayu. Antara karya masyhurnya termasuk *Tafsir Quran Karim*, *Ilmu Musthalah Hadis*, *‘Ilm Mustalah al-Hadith*, *Durus al-Tawhid*, *al-Masa’il al-Fiqhiyyah ‘ala al-Madhahib al-Arba’ah*, *al-Fiqh al-Wadiah 1-3*, *Tarikh Tashri’*, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, *Ilmu Pendidikan dan Pengajaran*, *Durus al-Lughah al-‘Arabiyyah 1-4*, *Kamus Dhahabi Arab-Indonesia*, *Jalan Selamat*, *Hikayat Nabi Muhammad*, *Ilmu Kimia*, *Keimanan dan Akhlak*, *Beberapa Kisah*, *Sejarah Kebudayaan Islam* dan banyak lagi.

Secara amnya, karya-karya Mahmud mendapat penerimaan yang baik bukan sahaja di sekolah dan institusi di Sumatera Barat, bahkan turut menjangkau ke Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu (Mahmud, 1960: 67). Di Malaysia sendiri, walaupun sebahagian karyanya pernah digunakan sebagai teks pengajian di madrasah dan sekolah agama pada suatu ketika dahulu, namun kebanyakan daripadanya masih didapati tersebar dengan meluas dan dijual di

kedai-kedai buku sehingga ke hari ini. Perkara ini menunjukkan betapa besarnya peranan dan pengaruh keilmuan beliau yang bukan sahaja dapat dirasai kesannya di tanah airnya sendiri, bahkan turut melimpah faedah dan manfaatnya ke wilayah-wilayah lain di Alam Melayu ini yang pada hakikatnya serumpun, sebahasa dan seagama.

### **Pengkaryaan Mahmud Yunus mengenai Ilmu *Mustalah al-Hadith***

Setakat yang diketahui, terdapat dua buah karya dalam bidang ilmu *mustalah al-hadith* yang pernah dihasilkan oleh Mahmud sepanjang hidupnya. Pada masa yang sama, terdapat petunjuk dalam salah sebuah karyanya (Mahmud, t.th.: 80) bahawa beliau berazam untuk menerbitkan sebuah lagi karya berkaitan '*illah* atau kecacatan dalam hadis yang tersebar dengan meluas dalam kalangan para khatib dan pendakwah di zamannya, namun tidak dapat dipastikan sama ada pernah disiapkannya ataupun tidak. Oleh yang demikian, fokus perbincangan dalam makalah ini tertumpu kepada kedua-dua karyanya yang pernah diterbitkan, digunakan dengan meluas dan masih tersebar hingga ke hari ini.

Dari aspek judul, kedua-duanya menggunakan judul "*ilmu mustalah al-hadith*". Sebuah karya dikarang sepenuhnya dalam bahasa Arab dan sebuah lagi pula dalam bahasa Indonesia. Justeru, wujud perbezaan dalam ejaan judul mengikut edisi bahasa pengantarnya seperti yang telah disenaraikan sebelum ini. Edisi bahasa Arab diselesaikan penulisannya pada 10 April 1941 di Sungayang. Termaktub juga dalam mukadimah karya ini tarikh 25 Disember 1940. Walaupun tidak dinyatakan, berkemungkinan ia tarikh karya ini mula dihasilkan iaitu di Padang, Sumatera Barat. Sekiranya ini benar, maka Mahmud hanya mengambil masa sekitar 3 bulan 16 hari sahaja untuk menyiapkan karya ini.

Dari aspek format, karya ini diulang cetak daripada naskhah asalnya yang menggunakan aturan huruf tulisan tangan. Penulisnya pula dikenal sebagai Muhammad Ishaq Saad. Tulisan khat *nasakh* karya ini cantik, jelas dan tersusun walaupun dari aspek ortografi terdapat pelbagai kesalahan dalam ejaan dan penandaan perkataan yang boleh mencacat integriti teks. Edisi ini diterbitkan dalam 96 halaman berdasarkan format buku moden dan lengkap dengan halaman kandungan. Walaupun tidak dinyatakan, namun edisi ini sudah mula diterbitkan sejak daripada ia disiapkan oleh pelbagai penerbit dan masih lagi diulang cetak sehingga ke hari ini.

Sebaliknya, edisi bahasa Indonesia pula disiapkan lebih lewat iaitu pada 30 Julai 1958 di Jakarta. Selain Mahmud Yunus, karya ini dikarang bersama dengan H. Mahmud Aziz. Sehingga tahun 1975 sahaja, ia sudah diulang cetak sebanyak lapan kali. Bahkan ia masih lagi dicetak hingga ke hari ini dan boleh didapati dalam pasaran. Edisi ini juga diterbitkan menggunakan format buku moden dan lengkap dengan halaman kandungan dan daftar pengarang dan istilah (semacam indeks). Edisi yang dirujuk iaitu terbitan PT. Jayamurni, Jakarta tahun 1975 mengandungi 90 halaman.

Dari aspek tujuan, kedua-dua karya ini dihasilkan bertujuan menampung keperluan bahan pembelajaran, pengajaran dan rujukan dalam bidang ilmu *mustalah al-hadith*, terutamanya di madrasah-madrasah. Perkara ini juga dinyatakan dengan jelas oleh pengarang dalam mukadimah karya-karyanya. Demikian juga edisi bahasa Indonesia digunakan secara rasmi sebagai buku teks untuk Pendidikan Guru Agama, madrasah-madrasah peringkat menengah selain untuk bacaan umum. Oleh yang demikian, laras bahasa dan stail penulisan yang digunakan adalah ringkas, mudah dan padat bersesuaian dengan sasaran pembacanya

iaitu pelajar dan masyarakat umum. Namun, edisi bahasa Arab menggunakan gaya bahasa yang lebih tinggi dan lebih bersesuaian untuk pelajar agama yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan mereka yang mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi seperti yang akan dibincangkan kelak.

Dari aspek sumber, kedua-dua karya ini didapati merujuk kepada sumber-sumber bidang ilmu *mustalah al-hadith* yang muhtabar. Walau bagaimanapun, judul-judulnya tidak dinyatakan dengan jelas dan tiada pula senarai rujukan yang disertakan. Berdasarkan penelitian, ternyata bahawa edisi bahasa Arab banyak merujuk kepada karya Syeikh Tahir al-Jaza'iri (m. 1919) yang berjudul *Tawjih al-Nazar ila Usul al-Athar*. Karya yang terdiri daripada dua jilid ini disiapkan pada tahun 1910 dan dicetak di Mesir. Ia merupakan sebuah karya penting yang cuba untuk membawa perspektif baharu dalam bidang ilmu *mustalah al-hadith* menerusi gabungannya dengan bidang *usul al-fiqh*. Ia juga banyak mengandungi perbincangan isu-isu penting yang mendasari bidang hadis dan hukum yang turut menjadi agenda perjuangan fahaman moden agama di Mesir ketika itu. Justeru, tidak hairanlah Mahmud banyak merujuk kepada karya ini yang mungkin juga dipelajarinya ketika berada di Mesir. Mengenai edisi bahasa Indonesia pula, tidak dapat dipastikan dengan jelas sumber karya yang menjadi sandaran utamanya. Berkemungkinan ia bersandarkan kepada edisi bahasa Arab yang kemudiannya diolah semula dan ditambah beberapa sumber lain yang dinyatakan antaranya: *Mizan al-I'tidal* karangan al-Dhahabi (m. 1348), *Lisan al-Mizan* dan *Tahdhib al-Tahdhib* karangan Ibn Hajar al-'Asqalani (m. 1449), *Tadrib al-Rawi* karangan Jalal al-Din al-Suyuti (m. 1505) dan sebagainya.

Dari aspek kandungan, edisi bahasa Arab mengandungi 67 tajuk perbincangan yang dapat dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu: a) pengenalan yang merangkumi takrif istilah, kedudukan hadis dalam agama, sejarah penulisan hadis, tingkatan buku hadis dan nama ulama-ulama hadis yang masyhur; b) perbincangan ilmu *al-jarh wa al-ta'dil* yang merangkumi metode salaf dalam menerima hadis, syarat-syarat perawi yang diterima hadisnya, metode penyampaian hadis dan pemansuhan hadis; c) jenis-jenis hadis yang merangkumi 44 istilah hadis berdasarkan bentuk dan keadaannya; dan d) penutup yang membincangkan tentang hadis kudsi.

Susunan perbincangan tajuk-tajuk perbincangan pula adalah secara rambang dan sesetengahnya tidak sistematik. Berdasarkan perbandingan, susunan ini tidak dilakukan mengikut urutan logik ataupun sumber rujukannya iaitu karya al-Jaza'iri, sebaliknya lebih menjerus kepada aliran pemikiran pengarangnya. Perbincangan setiap topik lazimnya berbentuk pengenalan ringkas disertai penerangan dengan contoh dan dalil yang berkaitan. Namun, beberapa isu yang dirasakan penting turut dibentangkan bersama dengan perbezaan pandangan ulama mengenainya. Mahmud akan menyatakan pilihan pandangannya dalam isu tersebut yang kadangkala disertai dengan alasan dan dalil. Sekiranya sesuatu perkara itu sudah dibincangkan dalam karyanya yang lain, maka beliau tidak mengulanginya lagi dalam karya ini. Contohnya, beliau mengunjurkan pembaca untuk merujuk karyanya bertajuk *Tarikh Tashri'* untuk mengetahui pandangan lanjut Dr. Muhammad Tawfiq ketika membincangkan konsep sunnah (Mahmud, t.th.: 22).

Edisi karya ini dalam bahasa Indonesia juga secara amnya mengandungi perbincangan yang hampir sama dengan edisi Arab. Cuma dari aspek organisasi, perbincangannya disusun dan digabungkan menjadi 11 fasal seperti berikut: a) pengertian umum; b) syarat-syarat perawi hadis; c) sanad; d) sifat meriwayatkan hadis; e) Sahabat sangat teliti meriwayatkan hadis; f) kedudukan hadis dalam agama Islam; g) tingkatan kitab-kitab hadis; h) tingkatan

hadis; i) Sahabat dan tabi'i; j) sejarah ringkas ahli hadis yang termasyhur; dan k) daftar nama ulama dan istilah hadis. Pecahan fasal adalah secara rambang dan tidak sekata. Kebanyakan fasal perbahasan adalah terlalu ringkas dan sekitar satu ke enam halaman sahaja, manakala fasal berkaitan "tingkatan hadis" merupakan yang paling ekstensif dengan 58 halaman. Secara tidak langsung, hal ini menunjukkan kecenderungan dan penekanan Mahmud terhadap status hadis sebagai salah satu aspek terpenting dalam ilmu *Mustalah al-Hadith* lantaran penggunaannya sebagai sumber penentuan hukum Syarak.

Susunan perbahasan dalam edisi ini juga lebih metodik, kemas dan logik berbanding dengan edisi bahasa Arab. Namun susunan 57 jenis hadis yang dibincangkan dalam fasal "tingkatan hadis" masih lagi secara rambang. Perbincangan setiap topik lazimnya berbentuk pengenalan ringkas disertai penerangan dan contoh berkaitan. Berbeza dengan edisi Arab, edisi bahasa Indonesia adalah lebih ringkas, dipermudahkan penerangannya dan disertai pelbagai contoh. Perbincangan isu dan permasalahan tertentu secara kritis pula langsung tidak dimuatkan dan ini mengunjurkan sasaran pembacanya dari kalangan pelajar di peringkat pertengahan dan juga masyarakat awam.

Beberapa istilah dan konsep hadis yang terkandung dalam edisi Arab juga tidak dimasukkan seperti perbincangan konsep-konsep dalam *al-jarh wa al-ta'dil*, sebahagian metode penyampaian hadis, takrifan *musnad*, *musnid*, *khobar*, *athar*, *sunnah*, kritikan terhadap *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*, tingkatan hadis sahih, periwayatan perawi yang bersahabat (*riwayah al-aqran*) dan sebagainya. Hal ini bersesuaian dengan tujuan utama penghasilannya iaitu teks pengenalan yang ditujukan kepada masyarakat awam dan Mahmud mungkin merasakan bahawa perbincangan mengenai kritikan terhadap kitab tertentu tidak begitu relevan dengan sasaran pembacanya.

Namun begitu, ada juga beberapa istilah yang tidak dibincangkan dalam edisi bahasa Arab diperkenalkan dalam edisi ini seperti perbincangan jenis-jenis '*illah* dalam hadis mengikut al-Hakim (m. 1014), hadis *muda'af*, *muhkam*, *mutashabih*, *mukhtalaf*, '*am* dan *muftara* (Mahmud, 1975: 23-24).

Penting dinyatakan di sini isu mengenai kesahihan perkhawaran penyaliban Isa A.S. seperti yang dipercayai oleh penganut Kristian sama ada serupa dengan konsep hadis mutawatir ataupun tidak. Dalam edisi karya bahasa Arabnya, Mahmud (t.th.; 25-28) telah membahaskan perkara ini dengan panjang lebar berdasarkan hujah-hujah yang kritis dan logik serta berasaskan bukti-bukti sejarah dan daripada nas-nas yang berkaitan. Kesemua ini diringkaskannya daripada buku al-Jaza'iri (1995: 1:157-160) yang menjadi sumbernya. Mungkin Mahmud merasakan perlu untuk membincangkan perkara ini sebagai satu contoh yang praktis yang mungkin akan dihadapi oleh para pendakwah di Alam Melayu yang pada ketika itu di bawah penjajahan Barat seperti Belanda dan Inggeris yang rata-ratanya beragama Kristian dan turut melakukan aktiviti penyebaran agama mereka dalam kalangan masyarakat peribumi. Justeru, berdasarkan kaca mata ulama hadis, perkhawaran mengenai penyaliban Isa a.s. itu tidak boleh dianggap sebagai mutawatir lantaran tidak menepati syarat-syaratnya yang telah ditetapkan. Sebaliknya, dalam edisi karya bahasa Indonesianya, isu ini langsung tidak dibincangkan. Mungkin ia dirasakan tidak bersesuaian dengan tahap buku ini yang bersifat pengantar dan mungkin juga kerana ia dikarang selepas kemerdekaan Republik Indonesia dan ancaman mubaligh Kristian daripada penjajah tidak lagi dirasakan berbanding dengan karya bahasa Arabnya yang dikarang sewaktu dalam era penjajahan.

Ringkasnya, edisi karya *mustalah al-hadith* dalam bahasa Arab merupakan usaha Mahmud menyampaikan perbincangan bidang ilmu ini kepada masyarakat dalam bentuk yang moden dan bersesuaian dengan keperluan pengajian di madrasah dan perguruan tinggi agama. Penghasilannya dalam format buku moden yang membahagikan isu perbahasan kepada tajuk-tajuk kecil dan dilengkapi halaman kandungan memudahkan pelajar untuk mempelajari dan merujuknya. Ini ditambah pula dengan penerangan dalam bentuk penomboran yang lebih ringkas dan pecahan perbincangan kepada perenggan-perenggan yang ringkas. Perbahasan penting diolah dalam bentuk soalan selain penggunaan bahasa Arab tanpa baris mengunjurkan penggunaan karya ini di tahap taksonomi pembelajaran yang lebih tinggi. Perkara ini selari dengan metode penyampaiannya yang bersifat deskriptif, argumentatif dan cenderung untuk membuat keputusan tentang sesuatu isu yang dibahaskan.

Sebaliknya, edisi karyanya dalam bahasa Indonesia pula dikarang khusus untuk memenuhi keperluan masyarakat dan pelajar yang ingin memahami ilmu ini dalam bahasa ibunda mereka sendiri. Format buku yang dihasilkan turut menampilkan beberapa penambahbaikan dan pengemaskinian berbanding karyanya yang terdahulu. Isu-isu perbahasan yang terlalu banyak sudah diringkaskan dan dipadatkan menjadi 11 fasal sahaja dan daftar nama ulama dan istilah hadis turut disertakan untuk memudahkan rujukan. Teks dalam bahasa Arab diberikan barisnya dan diterjemahkan maknanya dalam bahasa Indonesia. Penerangannya lebih ringkas, menggunakan nombor dan disertai ilustrasi dalam bentuk carta, rajah dan sebagainya manakala metode soalan tidak lagi diaplikasikan. Kesemua ini memberikan petunjuk bahawa karya berbentuk pengantar ini sesuai dengan taksonomi pembelajaran yang lebih rendah selari dengan metode penyampaiannya yang bersifat deskriptif dan penerangan.

### **Peranan dan Sumbangan Mahmud Yunus dalam Ilmu *Mustalah al-Hadith* di Alam Melayu**

Seperti yang telah dinyatakan di awal makalah ini, perkembangan ilmu hadis berlaku dengan agak perlahan di Alam Melayu berbanding dengan bidang-bidang ilmu agama yang lain. Keadaan ini bukan sahaja dapat dilihat daripada aspek penghasilan karya dalam bidang ini oleh ulama tempatan, bahkan agak sukar untuk mendapatkan maklumat mengenai pengajiannya sebelum abad ke-20. Tinjauan-tinjauan yang pernah dilakukan oleh Van den Berg (1886) mengenai karya-karya yang digunakan di pesantren-pesantren di Jawa dan Madura pada abad ke-19 dan satu abad berikutnya oleh Van Bruinessen (1999) mengenai kitab kuning yang digunakan di pesantren di Indonesia turut mengesahkan fenomena ini.

Berdasarkan penelitiannya, Mahmud (1960: 60, 143) mencatatkan penggunaan kitab *Matan Baiquniyyah* dan syarahnya sebagai teks pengajian ilmu *mustalah al-hadith* di awal abad ke-20 atau yang digambarkannya sebagai zaman perubahan. Kitab ini dikarang oleh ‘Umar ibn Muhammad ibn Futuh al-Baiquni (m. 1669) dalam bentuk syair. Ia mengandungi 34 rangkap syair dalam bahasa Arab yang meringkaskan istilah dan perbahasan ilmu *mustalah al-hadith*. Lazimnya teks ini dihafal pelajar sebelum dipelajari maknanya menerusi kitab syarahnya. Antara yang terkenal di Alam Melayu ialah ulasannya (*hashiyah*) oleh ‘Atiyyah al-Ajhuri (Fauzi & Faisal, 2011).

Karya khusus yang pertama dalam bidang *mustalah al-hadith* oleh ulama Alam Melayu juga merupakan syarah kepada seribu syair dalam bidang hadis yang disusun oleh Jalal al-Din al-Suyuti (m. 1505). Karya yang berjudul *Manhaj Dhawi al-Nazar* ini dikarang

sepenuhnya dalam bahasa Arab dan melambangkan ketokohan pengarangnya Syeikh Muhammad Mahfuz (m. 1919) dalam bidang ini. Walau bagaimanapun, karya ini hanya dipelajari dalam lingkungan tertentu sahaja antaranya di Pesantren Termas dan di peringkat pengajian yang tinggi (Ramli, 2009: 264).

Justeru, selaras dengan pemodenan sistem pendidikan Islam dan pembaharuan madrasah yang diperjuangkannya, Mahmud menganjurkan beberapa perubahan yang drastik, antaranya pengenalan kaedah pengajaran yang lebih berkesan dan kurikulum pengajian yang sistematik selain menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan bukan sekadar menghafal sahaja apa yang dipelajari. Beliau juga sedar bahawa kebanyakan guru menguasai bidang ilmu yang dipelajari namun tidak ramai yang berupaya untuk menyampaikannya dengan efisien dan efektif kepada pelajar. Pada masa yang sama, kitab pengajian yang berbentuk syair dan syarahnya selain yang dicetak mengikut format lama tidak lagi bersesuaian dengan sistem pendidikan baharu tersebut. Faktor-faktor inilah yang mendorong beliau untuk menghasilkan karya-karya yang begitu banyak jumlahnya dalam segenap bidang pendidikan termasuk ilmu *mustalah al-hadith* supaya dapat dijadikan teks pelajaran yang bersesuaian.

Dalam hal ini, beliau bukan sahaja seorang idealis yang melaungkan falsafah pembaharuan, tetapi yang lebih penting lagi turut membuktikan seruannya dengan bukti-bukti yang praktikal. Pendidikan tidak lagi sekadar untuk memenuhi keperluan kedalaman ilmu semata-mata, bahkan perlu kepada aspek kritis selain merangkumi domain afektif melalui amalan nilai-nilai akhlak yang murni dan psikomotor menerusi pengaplikasian ilmu yang dipelajari untuk dikongsi bersama masyarakat (Nata, 2005: 64-66).

Dalam konteks ilmu *mustalah al-hadith* pula, sumbangan beliau terzahir dengan jelas menerusi dua buah karya yang khusus dikarangnya sebagai teks pengajian ilmu ini seperti yang telah dibincangkan. Edisi karyanya dalam bahasa Arab dihasilkan sewaktu beliau aktif menerajui beberapa institusi pendidikan agama ketika itu iaitu al-Jami'ah al-Islamiyah dan Normal Islam. Bahkan tarikh penghasilan karyanya ini bertepatan dengan penubuhan Sekolah Islam Tinggi di Padang pada tahun 1940. Oleh yang demikian, adalah wajar beliau menghasilkan teks pengajian yang bersesuaian dengan tahap yang digunakan di institusi-institusi pendidikan tinggi tersebut. Ini menjelaskan penggunaan bahasa Arab dan kandungan beberapa persoalan pokok yang dimuatkan dalam karyanya tersebut yang memerlukan pandangan dan perbincangan yang kritis. Lantaran nilai ilmunya, karyanya ini turut digunakan sebagai teks pendidikan di madrasah-madrasah Sumatra Thawalib dan Diniyah di Sumatera dan Jawa seperti di Pondok Pesantren Rejoso di Jombang, Jawa Timur (Mahmud, 1960: 77, 248; Ramli, 2009: 268).

Demikian pula karyanya dalam bahasa Indonesia dihasilkan ketika beliau berkhidmat di Departemen Agama di Jakarta dan bergiat secara aktif dalam mengembangkan pendidikan Islam di peringkat tinggi. Secara khasnya, karya ini disusun sebagai teks pelajaran bagi PGA, Sekolah Guru Hakim Agama Islam (SGHAI) atau kemudiannya ditukar kepada Sekolah Guru Hakim Agama (SGHA) dan madrasah-madrasah yang tidak menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar di Indonesia. Di SGHA misalnya, terdapat empat jurusan latihan guru yang ditawarkan iaitu kesusasteraan, ilmu alam, agama dan pengadilan agama, manakala guru-guru yang dikeluarkan pula kebanyakannya mengajar di madrasah peringkat rendah sahaja (Mahmud, 1960: 361). Justeru, adalah wajar kandungan ilmu *mustalah al-hadith* dalam karyanya ini berbentuk pengantar, deskriptif dan disertai dengan pelbagai contoh dan ilustrasi sesuai dengan tahap pelajarannya. Perkara ini jugalah yang menjadikannya

populer dalam kalangan masyarakat awam yang ingin berjinak-jinak dengan bidang ilmu ini tanpa perlu mendalami bahasa Arab.

Dari aspek yang lain, Mahmud juga sering digambarkan sebagai tokoh pembaharu pendidikan Islam yang pertama sekali mengintegrasikan kurikulum agama dan umum di institusi pendidikan Islam. Beliau turut berjuang memperkenalkan pendidikan agama secara formal dalam kurikulum pendidikan umum di bawah Departemen Pendidikan Nasional (Nata, 2005). Namun dalam konteks ilmu *mustalah al-hadith* juga, peranan dan sumbangannya perlu dinyatakan dengan jelas. Penstrukturan kurikulum pendidikan Islam yang diperjuangkan oleh Mahmud sama ada di Diniyah School, Normal Islam, Sumatra Thawalib, Sekolah Islam Tinggi, PGA dan sebagainya tidak pernah mengabaikan ilmu *mustalah al-hadith*. Sebaliknya, ia dijadikan salah satu subjek penting di peringkat menengah dan tinggi dan perlu dipelajari untuk memahami hadis sebagai sumber agama yang kedua terpenting selain menilai keasliannya. Walaupun beliau bukanlah orang yang pertama atau satu-satunya yang memperjuangkan perkara ini, namun peranan dan perhatiannya dalam memartabatkan pendidikan *mustalah al-hadith* adalah amat berharga dan menjadi ikutan oleh madrasah-madrasah yang mencontohi model pendidikan yang digagaskannya.

Yang lebih penting lagi, beliau tidak sekadar menyusun semula perbincangan ilmu *mustalah al-hadith* tanpa memberikan sumbangan ilmiah yang signifikan. Sebaliknya, beliau turut mengembangkan fahaman dan pemikirannya yang tersendiri dalam bidang ini yang melambangkan fahaman moden yang dipegangnya. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas dalam kriteria penerimaan beliau terhadap hadis *ahad* (yang diriwayatkan oleh seorang atau lebih perawi tetapi tidak mencapai tahap mutawatir atau konsensus).

Menurut al-Jaza'iri (1995: 1:180-208), terdapat tiga aliran ilmuwan dalam hal ini. Aliran pertama diamalkan oleh sebahagian periwayat hadis yang kurang ilmunya yang hanya menerima sesebuah hadis berdasarkan kriteria sanad sahaja tanpa memerhatikan aspek kandungannya. Oleh itu, sekiranya sanad hadis itu sudah melepasi syarat penerimaan, ia diterima walaupun kandungannya bercanggah dengan sumber agama yang lain. Aliran kedua seperti golongan Muktaẓilah pula menerima sesebuah hadis berdasarkan kandungannya sahaja. Jika ia bersesuaian dengan fahaman mereka maka hadis itu dihukum sebagai sahih walaupun sanadnya bermasalah. Sebaliknya, golongan ketiga menekankan peri pentingnya menilai kedua-dua aspek sanad dan matan sebelum sesebuah hadis diterima. Mereka inilah ulama hadis sebenar yang jumlahnya tidak ramai.

Pada masa yang sama, sesetengah ulama muktabar seperti Abu Ishaq al-Shirazi (m. 1083), al-Ghazali (m. 1111) dan sebagainya turut meletakkan syarat tambahan dalam sesetengah konteks hadis yang diragui kesahihannya walaupun sanadnya kelihatan baik. Perkara ini secara amnya menggambarkan ketelitian mereka dalam menjunjung kebenaran walaupun pada masa yang sama menerima hadis yang diriwayatkan seorang perawi sahaja dalam rangkaian sanadnya.

Dalam edisi karya bahasa Arabnya, Mahmud (t.th.: 31) turut memetik perbincangan yang terkandung dalam karya al-Jaza'iri tersebut. Namun begitu, ketika memetik syarat yang dikenakan oleh Abu 'Ali al-Jubba'i (m. 915) dari aliran Muktaẓilah yang mensyaratkan periwayatan dua orang perawi sebelum sesebuah hadis diterima, beliau turut mengulas dan menyatakan bahawa kriteria ini sebenarnya selari dengan amalan 'Umar ibn al-Khattab dalam penerimaan hadis. Beliau turut memetik syarat tambahan yang dikemukakan oleh al-Shirazi dalam menerima sesebuah hadis *ahad*. Di tempat yang lain dalam karya yang sama (hal. 45),

beliau turut mengulang semula peri pentingnya hadis *ahad* disokong sama ada dengan periwayatan perawi lain dan sebagainya seperti yang diamalkan oleh para Sahabat.

Menariknya, pandangan Muktaizilah yang dikemukakannya itu telah dikritik sekeras-kerasnya oleh para ulama termasuk al-Ghazali dan Fakhr Din al-Razi (m. 1209). Ini kerana, majoriti ulama menerima periwayatan *ahad* yang dinilai daripada kedua-dua aspeknya dan tidak mensyaratkan dua orang perawi seperti dalam konteks penyaksian hukum (al-Jaza'iri, 1995: 181-182). Namun dalam perkara ini, Mahmud cenderung berpegang kepada pandangan yang dikemukakan oleh Muhammad 'Abduh (m. 1905) yang mementingkan peranan akal dan mensyaratkan kriteria tambahan sebelum sesebuah hadis *ahad* dapat diterima (Brown, 1996).

Refleksi metode moden ini juga dapat dilihat dengan jelas menerusi peranan akal dalam kriteria menilai kesahihan sesebuah hadis seperti yang berlaku kepada Mahmud (t.th.: 92) dalam salah sebuah kuliahnya. Ketika membincangkan isu tertentu, pelajarannya telah berhujah dengan sebuah dalil. Namun beliau menegaskan bahawa perkataan yang disebutkan itu bunyinya tidak layak dinisbahkan kepada Nabi SAW tetapi mungkin adalah pandangan ulama. Untuk menyelesaikan isu tersebut, beliau dan pelajarannya sama-sama mencari tentang status hadis tersebut. Akhirnya ternyata bahawa hadis itu berstatus lemah dan tidak boleh dijadikan hujah dalam aspek hukum.

Demikian juga dalam isu mengenai status hadis *ahad* yang sahih; adakah membawa kepada keyakinan penuh (*yaqin*) ataupun sangkaan (*zann*) sahaja, Mahmud (t.th.: 38-41) berpegang kepada pandangan al-Nawawi (m. 1277) dan segelintir ulama yang menyatakannya sebagai *zann* sahaja berbanding majoriti ulama yang menghukumkannya sebagai *yaqin*. Namun dari aspek amalan, kedua-dua golongan sepakat akan kewajipan mengamalkannya. Beliau turut membentangkan hujah kedua-dua pihak secara panjang lebar. Menurutnya, keputusannya ini disebabkan oleh dua faktor, iaitu: a) kepercayaannya bahawa ijmak itu tidak berlaku lagi selepas era Sahabat, dan b) memaksa ulama itu supaya menerima pandangan ulama hadis juga membawa kepada taklid yang tidak boleh diharuskan melainkan bagi mereka yang tidak mempunyai kemampuan ilmiah sahaja. Sebaliknya, ulama yang berkelayakan hendaklah melaksanakan ijtihad yang amat dituntut. Sekali lagi dalam hal ini, Mahmud menzahirkan pandangannya yang tersendiri yang melambangkan sikap moden dalam memerangi taklid dan menyeru kepada pelaksanaan ijtihad (Brown, 1996: 130-133).

Seperkara yang penting juga dinyatakan di sini ialah perubahan pesat pendidikan Islam di Indonesia pada hari ini dari aspek orientasi dan perkembangannya seiring dengan peredaran masa turut menyaksikan pembaharuan dan pengemaskinian kurikulum dan sukatan pengajian ilmu *Mustalah al-Hadith* yang digunakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Justeru, tidak banyak yang diketahui mengenai tahap penggunaan kedua-dua buah karya Mahmud yang dibincangkan di sini dalam konteks pendidikan semasa berbanding dengan peranan yang pernah dimainkannya suatu ketika dahulu. Walau bagaimanapun, kewujudan edisi-edisi cetakan terkini kedua-dua karya ini dalam pasaran buku serantau menunjukkan masih wujudnya keperluan terhadapnya sebagai teks pembelajaran ilmu *Mustalah al-Hadith* dalam kalangan masyarakat, sama ada formal mahupun tidak formal. Apa yang pasti, idea dan gagasan keilmuan yang pernah ditanamkan dalam benak murid-muridnya tetap subur dan berkembang dalam meneruskan kesinambungan tradisi keilmuan Islam ini kepada generasi yang berikutnya.

## Penutup

Ringkasnya, daripada perbincangan yang telah lalu, dapat disimpulkan peranan penting yang disumbangkan oleh Mahmud Yunus dalam mengembangkan pendidikan Islam di Alam Melayu secara amnya. Dalam konteks ilmu *mustalah al-hadis* khususnya, beliau bukan sahaja berperanan mengembangkan pendidikan ilmu ini menerusi institusi pendidikan di peringkat menengah dan tinggi, bahkan juga telah mengorak langkah terhadap pemodenan pengajarannya menerusi penghasilan dua buah karya yang khusus digunakan dalam dua konteks dan latar belakang pendidikan yang berbeza.

Sumbangannya dalam mengolah semula penyampaian ilmu ini supaya merangkumi ketiga-tiga domain taksonomi pendidikan (kognitif, afektif dan psikomotor) dengan kaedah yang moden, mudah dan sistematik juga telah melonjakkan lagi minat masyarakat untuk mengetahui tentang ilmu ini seperti yang disaksikan menerusi penyebaran dan penggunaannya di segenap rantau Alam Melayu sehingga ke hari ini. Pada masa yang sama, beliau turut mempelopori dan mengembangkan pemikiran moden dalam memahami ilmu *mustalah al-hadith* menerusi pandangan dan hujahnya dalam beberapa isu pokok seperti yang telah dibincangkan. Berdasarkan sumbangan, peranan dan pengaruhnya inilah adalah wajar untuk mengiktiraf beliau sebagai salah seorang pemikir dan tokoh penting yang telah banyak menyumbang kepada pengembangan pemikiran dan pendidikan ilmu *mustalah al-hadith* di Alam Melayu pada abad ke-20.

## Penghargaan

Kertas kerja ini diterbitkan di bawah skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek USIM Kod PPP/USG-0216/FPQS/30/15916.

## Rujukan

- Al-Jaza'iri, Tahir. (1995). *Tawjih al-Nazar ila Usul al-Athar*. Aleppo: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad ibn 'Ali. (1986). *al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Khayr Abadi, Muhammad Abullais. (2004). *'Ulum al-Hadith: Asiluha wa Mu'asiruha*. Bangi: Darul Syakir.
- Brown, Daniel W. (1996). *Rethinking Tradition in Modern Islamic Thought*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fauzi Deraman & Faisal Ahmad Shah. (2011). *Pengajian Hadith di Nusantara*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Fauzi Deraman. (2002). *Kedudukan Hadith dalam Karya-karya Shaykh Dawud al-Fataniy*. Ampang: Penerbitan Salafi.
- Hamid, Shalahuddin & Ahza, Iskandar. (2003). *100 Tokoh Islam Paling Berpengaruh di Indonesia*. Jakarta: Penerbit Intimedia.
- Jawiyah D., Ahmad Levy F.A., Wan Nasyruddin W.A., Mazlan Ibrahim, Ahamad Asmadi S., Muhd Najib A.K., & Mohd Nazri A. (2012). The Trail of Hadith Scholars and Their Works in the Malay Region, *Advances in Natural and Applied Sciences* 6(7): 1156-1161.

- Khadher Ahmad & Khairuddin Mawardi. (2014). Contributions of Mahmud Yunus to the Interpretation of the Quran: A Study of Tafsir Qur'an Karim, *Online Journal of Research in Islamic Studies* 1(1): 87-101. DOI: 10.15364/ris14-0101-05.
- M.Mustaqim Mohd Zarif. (2014a). Pengarang dan Kepengarangan dalam Tradisi Keilmuan Islam, kertas kerja *Seminar Kepustakawanan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) & Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), 4-5 September, 21 hal.
- M.Mustaqim Mohd Zarif. (2014b). *Peranan Lubab al-Hadith dalam Karya Hadis di Alam Melayu*. Nilai: Penerbit USIM.
- Mahmud Yunus. (t.th.). *Ilm Mustalah al-Hadith*. Jakarta: CV. Sa'adiyah Putra.
- Mahmud Yunus. (1975). *Ilmu Musthalah Hadis*. Jakarta: P.T. Jayamurni.
- Mahmud Yunus. (1960). *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Pustaka Mahmudiah.
- Masril, Eficandara, M.Nasran Mohamad, M.Adib Samsudin & Anwar Fakhri Omar. (2011). Prof. Dr. H. Mahmud Yunus: Tokoh Mujaddid dari Minangkabau, dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 134-142.
- Masril, Eficandara, M.Nasran Mohamad, M.Adib Samsudin & Anwar Fakhri Omar. (2013). Pemikiran Fiqh Mahmud Yunus, *Islamiyyat* 35(1): 5-18.
- Nashabe, Hisham. (1989). *Muslim Educational Institutions*. Beirut: Librairie du Liban.
- Nata, Abuddin. (2005). *Tokoh-tokoh Pembaruan Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Ramli Abdul Wahid. (2009). Sejarah Pengajian Hadith di Indonesia, dalam Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman & Faisal Ahmad Shah (Peny.). *Khazanah al-Qur'an & al-Hadith Nusantara*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 257-276.
- Rochwulaningsih, Yety. (2010). Mahmud Yunus: Islamic Religious Instruction in the Public School, dalam Rosnani Hashim (Peny.). *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Tradition in the Malay Archipelago..* Kuala Lumpur: The Other Press, 167-186.
- Roff, William R. (2009). *Studies on Islam and Society in Southeast Asia*. Singapore: NUS Press.
- Rudliyana, Muhamad Dede. (2003). *Perkembangan Pemikiran Ulum al-Hadits dari Klasik sampai Modern*. Bandung: Penerbit Pustaka Setia.
- Suprpto, M. Bibit. (2009). *Ensiklopedi Ulama Nusantara*. Jakarta: Gelegar Media Indonesia.
- Van Bruinessen, Martin. (1999). *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat: Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan.
- Van den Berg, LWC. (1886). Het Mohammedansche Godsdienstonderwijs op Java en Madoera en de Daarbij Gebruikte Arabische Boeken, *TBG* 31: 518-555.